

UMS-UNPAS Jalankan Program Mobiliti

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 20 Disember 2019 14:37 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 23

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

JUMAAT, 20 DISEMBER -
Perjanjian persefahaman (MoU) yang dimeterai di antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universitas Pasundan (UNPAS) tiga tahun lalu telah memberi peluang kepada program pertukaran pelajar melalui program mobiliti berkredit pelajar kerja sosial di kedua-dua universiti.

Program mobiliti berkredit kumpulan mahasiswa pertama telah bermula pada tahun 2017 dan kumpulan kedua pada tahun seterusnya.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Fakulti Pendidikan dan Psikologi (FPP) UMS, melalui program tersebut, pelajar Program Kerja Sosial UMS dan pelajar Prodi Kesejahteraan Sosial UNPAS akan berada selama satu semester dengan mengikuti kuliah seperti biasa dan mengambil ujian serta peperiksaan mengikut syarat sebagai pelajar pra siswazah Universiti masing-masing.

Kenyataan itu menambah, keputusan peperiksaan pelajar mobiliti akan dibawa balik dan disetarakan dalam transkrip setelah menamatkan program mobiliti.

“Baru-baru ini program mobiliti pensyarah antara kedua-dua institusi telah dilaksanakan sebagai sebahagian daripada kesinambungan Program Mobiliti pelajar. Pensyarah dari program Kesejahteraan sosial, Dr. Abu Huraerah telah datang ke UMS sebagai pensyarah mobiliti sementara pensyarah program Kerja Sosial Dr. Peter Voo berada di UNPAS untuk mengajar pelajar prasiswazah program Kesejahteraan sosial,” tambah kenyataan itu.

Seramai enam pelajar UMS dan empat pelajat UNPAS terlibat dalam program mobiliti tahun ini. Kedua-dua universiti itu sedang merancang untuk melaksanakan program mobiliti pelajar kumpulan ketiga yang dijangka berlangsung pada tahun hadapan.